

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS  
[ TELOK KEMANG ]**

**SOALAN : 479**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan:**

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk meningkatkan kelajuan dan liputan *broadband* di Malaysia jika dibandingkan dengan negara-negara luar; dan
- (b) perancangan Kementerian untuk membenarkan "*High Speed Broadband (HSBB) Infrastructure Provider*" kepada syarikat lain berbanding syarikat sedia ada memandangkan kadar kos jalur lebar di Malaysia buat masa ini agak tinggi.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini telah menetapkan sasaran untuk perkhidmatan komunikasi jalur lebar meliputi 95% kawasan berpenduduk. Bagi memastikan sasaran tersebut dapat dicapai, pihak Kementerian sedang melaksanakan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi Fasa 2 (HSBB 2) dengan menaik taraf 95 buah ibu sawat mulai tahun 2015 dan dijangka siap pada hujung tahun 2017. Perkhidmatan jalur lebar ini dijangka boleh mencapai kelajuan sehingga 100Mbps.

Selain daripada itu, pihak Kementerian juga melaksanakan naik taraf ibu sawat di pinggir bandar melalui projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) bagi meningkatkan kelajuan Internet yang melibatkan naik taraf 421 buah ibu sawat yang mampu memberikan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan sehingga 20Mbps.

Bagi perkhidmatan mudah alih pula, Kerajaan turut memperluaskan liputan selular melalui pembinaan menara komunikasi baharu selain menaik taraf liputan 3G bagi menara komunikasi yang sedia ada.

Pihak Kementerian juga turut melaksanakan projek Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) yang menyediakan capaian Internet secara kolektif kepada penduduk setempat yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi mempertingkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan selular dan jalur lebar setanding dengan negara-negara maju yang lain.

- (b) Pemilihan syarikat untuk melaksanakan projek HSBB merangkumi pelbagai aspek terutama sekali keupayaan syarikat itu sendiri. Namun begitu, pihak Kerajaan juga menggalakkan penyertaan mana-mana syarikat telekomunikasi atau pemegang lesen di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang dapat menyediakan dan menawarkan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi secara komersil bagi memberi pilihan tambahan kepada pelanggan dengan tawaran pakej harga jalur lebar yang berpatutan.